

'KE' MANAN DINIKMATI SEKARANG PERLU DITERUS, BAGI MENJAMIN PROSES PEMULIHAN EKONOMI'

PM: Elak tindakan cetus huru-hara

UM 27 APR 1990

KUALA LUMPUR 26 April — Perdana Menteri **Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad** malam ini meminta rakyat, yang beragama Islam dan bukan Islam, mengemukakan kestabilan dan mengelakkan tindakan yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara.

Beliau mengingatkan, kestabilan dan keamanan yang dinikmati sekarang perlu diteruskan bagi menjamin kesinambungan projek - projek pembangunan dan proses pemulihan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, jika anarki (kacau-bilau) tercetus, amatlah sukar untuk memulihkan keadaan.

"Amatlah buruk akibatnya jika negara kita diserang dengan gejala - gejala seperti tunjuk perasaan, mogok, penggunaan kekerasan untuk menggulingkan kerajaan, rusuhan kaum dan lain - lain tindakan di luar undang -

undang yang sering berlaku di negara - negara lain," ujarnya dalam perutusan Hari Raya melalui RTM malam ini.

Bagaimanapun tegas beliau, semua ini tidak berlaku di negara ini kerana majoriti rakyat menghargai kestabilan dan perpaduan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengingatkan bahawa perbuatan mengambil tindakan sendiri dengan membelakangkan undang - undang, seperti cubaan menghalang polis daripada menjalankan tugas, adalah suatu perbuatan yang amat merbahaya.

"Jika satu pihak mencubanya, maka pihak lain pula akan cuba mengambil tindakan yang sama.

"Sekiranya ini berlaku akan runtuhlah aturan sosial (*social order*) dan akan tercetuslah anarki.

"Jika anarki berlaku kehidupan kita tidak lagi akan selamat. Huru-hara akan menimpa kita," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau mengingatkan, sekali anarki tercetus, amatlah sukar untuk memulihkan keadaan.

"Oleh itu awasi dan peliharalah kestabilan negara kita.

"Tidak ada sesiapa yang akan untung, sama ada orang Islam atau bukan Islam, jika kestabilan dan keamanan negara musnah," katanya.

Menyentuh tentang ekonomi, Perdana Menteri berkata, sudah empat tahun berturut-turut ekonomi negara menempa perkembangan yang baik.

LIHAT MUKA 2

UM ELAK CETUS HURU-HARA

Pertumbuhan ekonomi negara pada tahun lalu ialah 8.5 peratus, tahun kedua berturut-turut di mana pertumbuhan melebihi lapan peratus.

"Pertumbuhan ekonomi ini mempunyai erti secara langsung kepada kita semua kerana ia memberi peluang untuk kita bekerja, melariskan perniagaan

kita sama ada kecil atau besar, membolehkan kita menikmati kemudahan - kemudahan yang lebih baik yang disediakan oleh kerajaan dan swasta serta memperbaiki kualiti hidup kita.

"Kita tahu akan kesan buruk kemelesetan yang kita alami baru-baru ini dan dengan itu pemulihan

ekonomi sekarang lebih bermakna kepada kita," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah pertumbuhan ekonomi negara yang baik bukanlah bahan kebanggaan kerajaan, tetapi adalah untuk dinikmati bersama oleh rakyat keseluruhannya.